



**UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA**

**POLA PENGUNDIAN MASYARAKAT BAJAU DALAM POLITIK  
SABAH DARI TAHUN 1963 HINGGA 2004**

**MD. SALLEH BIN MD. SAID.**

**FEM 2005 5**



**POLA PENGUNDIAN MASYARAKAT BAJAU DALAM  
POLITIK SABAH DARI TAHUN 1963 HINGGA 2004**

**Oleh**

**MD. SALLEH BIN MD. SAID**

**Tesis ini dikemukakan kepada Sekolah Pengajian Siswazah, Universiti Putra  
Malaysia sebagai Memenuhi Keperluan untuk Ijazah Master Sains**

**September 2005**



**Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia  
Sebagai memenuhi keperluan untuk Ijazah Master Sains**

**POLA PENGUNDIAN MASYARAKAT BAJAU DALAM  
POLITIK SABAH DARI TAHUN 1963 HINGGA 2004**

Oleh

**MD. SALLEH MD. SAID**

**September 2005**

**Pengerusi: Prof. Jayum A. Jawan, PhD**

**Fakulti: Ekologi Manusia**

Kajian ini bertujuan untuk mengkaji faktor yang mempengaruhi sikap pengundi Bajau dan juga pola pengundian mereka dalam politik Sabah. Bagi menganalisis persoalan ini, tiga pendekatan teoritis berkenaan dengan perlakuan pengundi telah digunakan, iaitu pendekatan identifikasi parti, sosiologikal dan rasional. Data kajian diperolehi melalui dua sumber utama iaitu primer dan sekunder. Sumber primer diperolehi melalui temubual dengan pemimpin politik dan juga masyarakat Bajau di Sabah. Sumber sekunder pula diperolehi dari semakan ke atas data keputusan pilihan raya yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Pilihanraya Malaysia (SPR), data kependudukan dan data sosioekonomi Sabah selain daripada buku-buku yang berkaitan. Dapatan kajian menunjukkan faktor pemilihan parti politik oleh kaum Bajau dalam pilihan raya dari tahun 1963 hingga 2004 adalah berkaitan dengan kepentingan etnik masyarakat Bajau. Kepentingan etnik ini dapat dilihat dalam konteks kepentingan agama Islam, kepentingan mereka berhubung dengan isu-isu politik semasa dan isu-isu lain yang mempengaruhi taraf sosioekonomi dan sosiopolitik seperti kemiskinan, pendidikan, ketidakadilan dan

pembangunan. Oleh kerana USNO ditubuhkan bagi membela kepentingan masyarakat Bajau, khususnya kepentingan agama Islam, pembangunan sosioekonomi dan sosiopolitik masyarakat Islam di Sabah, maka USNO telah ditanggapi oleh masyarakat Bajau sebagai satu-satunya parti politik yang dapat membela kepentingan mereka. Seterusnya hasil kajian menunjukkan bahawa faktor-faktor inilah yang menyebabkan majoriti masyarakat Bajau menyokong USNO dengan konsisten semenjak pilihan raya 1963, meskipun berlaku perpecahan undi kerana isu-isu dan perkembangan politik semasa. Sokongan yang konsisten dalam pola pengundian masyarakat Bajau (kepada USNO, dan kemudiannya kepada UMNO) membuktikan bahawa perlakuan pengundi masyarakat Bajau bersifat statik. Oleh itu, meskipun wujud pelbagai isu dalam pilihan raya, sama ada pada peringkat supralokal dan nasional, ketaatsetiaan masyarakat Bajau kepada USNO/UMNO tidak berubah selagi isu-isu yang muncul itu tidak berupaya mengancam kepentingan etnik Bajau. Berdasarkan hujah ini, maka analisis akhir kajian ini adalah pola pengundian masyarakat Bajau adalah berasaskan identifikasi parti berbanding dengan pendekatan sosiologikal dan rasional.

**Abstract of thesis presented to the Senate of Universiti Putra Malaysia in fulfilment  
of the requirement for the degree of Master Science**

**VOTING PATTERNS OF THE BAJAU ETHNIC COMMUNITY  
IN SABAH POLITICS, 1963-2004**

By

**MD. SALLEH MD. SAID**

**September 2005**

**Chairman: Prof. Jayum A. Jawan, PhD**

**Faculty: Human Ecology**

The objective of this study is to determine various factors that influence electoral behaviour among the Bajau community in Sabah. Three theoretical perspectives were used to analyse their voting behaviour, namely party identification, sociological and rational choice perspectives. The analysis is based on primary and secondary sources. Primary data were gathered through intensive interviews with political leaders and members of the Bajau community in Sabah. Secondary data were derived from references to the electoral returns issued by the Electoral Commission of Malaysia apart from population and socio-economy data of Sabah and other relevant reference materials. The research findings show that the voting behaviour of the Bajau from 1963 to 2004 has been determined by factors related to ethnic interest of the community that covers their religion, political and economic interest in terms of poverty, education, income disparity and community development. As USNO was originally formed to look after the socio-

economic and political development of Muslim communities in Sabah, the party had since been perceived by the Bajau as the only political entity that can safeguard their ethnic and community interests. The research findings further show that these are also the very factors which influenced the majority of Bajau voters to consistently vote for USNO since the 1963 election even though there has been a split in the votes caused by prevailing political issues at that particular point of time. The consistent support of the Bajau community towards USNO (and later towards UMNO) shows that the electoral behaviour pattern of the Bajau is static. Despite the fact that various issues cropped up during the general election whether at supralocal and national, the loyalty of the Bajau as an ethnic group towards USNO/UMNO remains steadfast as long as the prevailing issues do not pose a threat to the interest of the Bajau ethnic community as a whole. Based on this factor, the final analysis of this study shows that voting pattern of the Bajau ethnic group is determined by party identification rather than being influenced by sociological and rational factors.

## **PENGHARGAAN**

### **Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Penyayang**

Kajian ini adalah mengenai pola politik masyarakat Bajau di Sabah untuk menjawab tiga persoalan: Pertama, apakah faktor yang mempengaruhi sikap pengundi Bajau dalam pilihan raya? Kedua, apakah pola pengundian masyarakat Bajau? Ketiga, sejauh manakah signifikannya masyarakat Bajau dalam politik Sabah? Biar pun mudah bunyinya, apabila saya menulis, ia tidak semudah seperti yang disangkakan. Banyak halangan dan kepayahan yang terpaksa dihadapi. Antaranya ialah untuk mendapatkan sumber rujukan, menganalisis data dan masa untuk menulis. Pun begitu, berkat usaha dan dorongan serta kerjasama dari banyak pihak, saya bersyukur ke hadrat Allah s.w.t kerana dengan izin dan limpah kurniaNya, dapat juga kajian ini disiapkan.

Sebagai pelajar separuh masa dan seorang ahli politik sepenuh masa yang terpaksa berulang alik dari Kota Kinabalu ke Serdang, saya menghadapi cabaran yang sukar dalam banyak aspek untuk menyiapkan kajian ini. Namun atas dorongan dan sokongan dari banyak pihak, akhirnya dapat juga kajian ini disiapkan. Oleh itu, saya ingin mengambil kesempatan di sini untuk mengucapkan terima kasih kepada mereka yang terlibat sama ada secara langsung atau tidak langsung dalam membantu saya menyiapkan kajian ini.

Pertamanya, saya ingin memanjangkan rasa penghargaan ini kepada isteri, Datin Seri Hajah Raya Erom yang banyak berkorban dan sentiasa berdoa untuk kejayaan ini. Beliau adalah isteri yang memahami dan sering mengingatkan saya tentang kajian ini yang perlu

saya siapkan pada waktunya. Sikap beliau yang mendorong dan sikap anak-anak — Mohd Syarulnizam, Syazeera, Hafeez dan Syeera — yang sering bertanya bila saya akan menamatkan pengajian ini membuatkan saya begitu bertekad untuk melakukan kajian ini secara yang terbaik. Saya akui tanpa mereka yang sering membisikkan erti kegembiraan untuk terus memiliki ilmu yang tinggi, mungkin kajian ini tidak akan dapat disiapkan sepertimana sepatutnya.

Kedua, ucapan terima kasih ini juga saya tujukan kepada kaum Bajau di Sabah, khususnya di daerah Kota Belud yang sentiasa bersedia untuk didampingi bagi membolehkan saya memahami secara yang lebih telus lagi tentang sikap politik mereka. Pergaulan saya dengan mereka telah banyak membantu dalam membolehkan saya mendapat maklumat yang diperlukan. Saya juga ingin mengambil kesempatan di sini untuk mengucapkan terima kasih tidak terhingga kepada pembantu penyelidik saya yang tanpa jemu mengingatkan saya tentang temu janji dengan informan dan juga mendapatkan bahan-bahan yang saya perlukan untuk membolehkan saya menyiapkan kajian ini. Komitmen dan bantuan mereka akan sentiasa saya semadikan dalam ingatan dan kenangan. Selain itu, saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada sahabat saya dalam politik yang terlalu banyak namanya untuk disebutkan satu persatu di sini yang sudi mengongsi pendapat dan interpretasi mereka tentang kaum Bajau di Sabah. Pandangan yang diberikan telah membolehkan saya memahami secara lebih mendalam lagi tentang sikap politik kaum Bajau untuk saya manfaatkan dalam analisis saya.



Kajian ini juga tidak dapat disiapkan sekiranya saya tidak mempunyai tiga orang penyelia yang kritis dan memahami kepadatan masa yang saya hadapi. Oleh itu, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada penyelia saya, Prof. Dr. Jayum A. Jawan yang sentiasa memberikan pandangan, kritik, dan teguran dalam memantapkan lagi kajian ini. Selain itu, Dr. Zaid Ahmad juga bertanggungjawab dalam memberikan pandangan akademik untuk mengemaskan lagi analisis akhir dalam kajian ini. Prof. Madya Dr. Mohammad Agus Yusoff dari Universiti Kebangsaan Malaysia juga sebagai penyelia bersama turut membimbing saya untuk menyiapkan kajian ini. Sikap mereka adalah contoh kepenyeliaan bertanggungjawab yang akan saya kenang selamanya.

Walaupun ramai orang yang terlibat dalam menyumbangkan kepada kejayaan usaha saya untuk menyiapkan kajian ini, sekiranya terdapat kelemahan, maka saya terima kelemahan tersebut sebagai kekurangan dari saya sendiri. Wassalam.

**MD. SALLEH MD. SAID**  
No. 4, Lorong Likas  
Desa Ria  
89400 Kota Kinabalu  
SABAH



Saya mengesahkan bahawa Jawatankuasa Pemeriksa bagi Md. Salleh b. Md. Said telah mengadakan peperiksaan akhir pada 14 September 2005 untuk menilai tesis Master Sains beliau yang bertajuk "Pola Pengundian Masyarakat Bajau dalam Politik Sabah dari tahun 1963 hingga 2004" mengikut Akta Universiti Pertanian Malaysia (Ijazah Lanjutan) 1981. Jawatankuasa Pemeriksa memperakukan bahawa calon ini layak dianugerahi ijazah tersebut. Anggota Jawatankuasa Pemeriksa adalah seperti berikut:

**Sharifah Norazizan Syed Abdul Rashid, PhD**

Pensyarah  
Fakulti Ekologi Manusia  
Universiti Putra Malaysia  
(Pengerusi)

**Mohammad Shatar Sabran, PhD**


Pensyarah  
Fakulti Ekologi Manusia  
Universiti Putra Malaysia  
(Pemeriksa Dalam)

**Norbaya Ahmad, PhD**

Pensyarah  
Fakulti Ekologi Manusia  
Universiti Putra Malaysia  
(Pemeriksa Dalam)

**Nik Anuar Nik Mahmud, PhD**

Profesor  
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan  
Univesiti Kebangsaan Malaysia  
(Pemeriksa Luar)

---

**ZAKARIAH ABD. RASHID**  
Profesor/Timbangan Dekan  
Sekolah Pengajian Siswazah  
Universiti Putra Malaysia

Tarikh: 25 OCT 2005



Tesis ini diserahkan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi keperluan untuk ijazah Master Sains. Anggota Jawatankuasa Penyeliaan adalah seperti berikut:

**Jayum Anak Jawan, PhD**  
Profesor  
Fakulti Ekologi Manusia  
Universiti Putra Malaysia  
(Pengerusi)

**Zaid Ahmad, PhD**  
Pensyarah  
Fakulti Ekologi Manusia  
Universiti Putra Malaysia  
(Ahli)

**Mohammad Agus Yusoff, PhD**  
Prof. Madya  
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan  
Univesiti Kebangsaan Malaysia  
(Ahli)



---

**AINI IDERIS, PhD**  
Profesor/Dekan  
Sekolah Pengajian Siswazah  
Universiti Putra Malaysia

Tarikh: **17 NOV 2005**



**PERAKUAN**

Saya mengakui bahawa tesis ini adalah hasil kerja saya yang asli melainkan petikan dan sedutan yang tiap-tiap satunya telah dijelaskan sumbernya. Saya juga mengaku bahawa tesis ini tidak pernah dimajukan untuk ijazah-ijazah lain sama ada di Universiti Putra Malaysia atau di institusi-institusi lain.



MD. SALLEH MD. SAID

Tarikh: 28 September 2005

## KANDUNGAN

	<b>Muka Surat</b>
<b>ABSTRAK</b>	ii
<b>ABSTRACT</b>	iv
<b>PENGHARGAAN</b>	vi
<b>PENGESAHAN</b>	ix
<b>PERAKUAN</b>	xi
<b>KANDUNGAN</b>	xii
<b>SENARAI SINGKATAN</b>	xiv
<b>SENARAI JADUAL</b>	xvii
<b>BAB</b>	
<b>I PENDAHULUAN</b>	
1.1 Pengenalan	1
1.2 Tujuan Kajian	5
1.3 Sorotan Literatur: Kajian Pilihan Raya	7
1.3.1 Perbincangan Teoritis Tentang Kajian Pilihan Raya	7
1.3.2 Kajian Pilihan Raya Umum di Malaysia	16
1.3.3 Kajian Pilihan Raya di Peringkat Negeri	26
1.4 Nota Metodologi	31
<b>2 LATAR BELAKANG MASYARAKAT BAJAU DI SABAH</b>	
2.1 Pengenalan	35
2.2 Asal Usul Masyarakat Bajau dan Perkembangannya	35
2.3 Taburan Penduduk Bajau di Sabah	42
2.4 Aspek Sosial Masyarakat Bajau	53
2.5 Ekonomi Masyarakat Bajau	61
2.6 Rumusan	67
<b>3 POLITIK KOMUNITI BAJAU DI ZAMAN PERIKATAN SABAH</b>	
3.1 Pengenalan	69
3.2 Kesedaran Awal Politik Kaum Bajau Politik	70
3.3 Sejarah Kemunculan Parti Politik di Sabah	77
3.4 Isu-isu Politik Dalam Pilihan Raya tahun 1963-1967	82
3.5 Pilihan Raya 1967: Analisis ke atas Pola Pengundian Masyarakat Bajau	97
3.6 Rumusan	103

<b>4</b>	<b>POLITIK KOMUNITI BAJAU DI ZAMAN BERJAYA, 1976-1985</b>	
4.1	Pengenalan	104
4.2	Perkembangan Politik Sabah, 1967-1976	105
4.3	Pilihan Raya 1976 dan Pola Pengundian Masyarakat Bajau	118
4.4	Perkembangan Politik Sabah di bawah Berjaya, 1976-1981	127
4.5	Pola Pengundian Masyarakat Bajau dalam Pilihan Raya 1981	134
4.6	Perkembangan Politik Sabah, 1981-1985	139
4.7	Rumusan	147
<b>5</b>	<b>POLITIK KOMUNITI BAJAU DI ZAMAN PEMERINTAHAN PBS, 1985-1994</b>	
5.1	Pengenalan	149
5.2	Pilihan Raya 1985: Isu-isu Kempen dan Pola Pengundian Masyarakat Bajau	150
5.3	Politik Sabah dan Pilihan Raya Ulangan 1986	161
5.4	Perkembangan Politik Sabah di bawah PBS, 1986-1990	172
5.5	Pilihan Raya 1990 dan Pola Pengundian Masyarakat Bajau	178
5.6	Rumusan	186
<b>6</b>	<b>POLITIK MASYARAKAT BAJAU DI ZAMAN PEMERINTAHAN BN 1994-2004</b>	
6.1	Pengenalan	188
6.2	Perkembangan Politik Sabah, 1990-1994	188
6.3	Pilihan Raya 1994 dan Pola Pengundian Kaum Bajau	195
6.4	Pilihan Raya 1999 dan Pola Pengundian Kaum Bajau	208
6.5	Perkembangan Politik Sabah, 1999-2004	225
6.6	Pilihan Raya 2004 dan Pola Pengundian Kaum Bajau	233
6.7	Rumusan	243
<b>7</b>	<b>KESIMPULAN</b>	
7.1	Pengenalan	246
7.2	Corak Pengundian Kaum Bajau, 1963-2004	246
7.3	Penemuan Kajian	253
7.4	Rumusan Kajian	261
	<b>RUJUKAN</b>	264
	<b>BIODATA PENULIS</b>	285

## SENARAI JADUAL

<b>Jadual</b>	<b>Tajuk</b>	<b>Muka Surat</b>
2.1	Struktur Masyarakat Sabah 1970 (Klasifikasi Semula)	43
2.2 <sub>a</sub>	Komposisi Penduduk Sabah Mengikut Etnik	44
2.2 <sub>b</sub>	Perubahan dalam Bilangan Penduduk Kaum Bajau, 1911-1970	44
2.3	Penduduk Sabah Mengikut Kawasan dan Etnik 1980	46
2.4 <sub>a</sub>	Penduduk Sabah 1991	48
2.4 <sub>b</sub>	Penduduk Bajau di Sabah Mengikut Daerah, 1991	48
2.5	Bilangan Penduduk Sabah Mengikut Kumpulan Etnik dan Daerah, 2000	50
2.6	Penduduk Sabah Mengikut Etnik dan Agama, 1970	55
2.7	Penduduk Sabah Mengikut Etnik dan Agama, 2000	56
3.1	Jumlah Perwakilan dalam Parti Politik di Borneo Utara, 1963	83
3.2	Keputusan Pilihan Raya 1967 Mengikut Parti yang Bertanding	96
3.3	Parti-parti Politik yang Memenangi Pilihan Raya 1967	98
3.4	Peratus Undi Majoriti yang dimenangi USNO di Kawasan Majoriti Bumiputera Islam dalam Pilihan Raya 1967	101
3.5	Senarai Calon UPKO Beragama Islam yang Bertanding dalam Pilihan Raya tahun 1967	102
4.1	Keputusan Pilihan Raya 1976 Berdasarkan Kerusi dan Undi yang dimenangi	121
4.2	Keputusan Pilihan Raya 1976 Mengikut DUN dan Susunan Etnik	125
4.3	Senarai Calon Berjaya Beragama Islam yang Bertanding dalam Pilihan Raya 1976 dan Keputusan yang diperolehi	127
4.4	Keputusan Pilihan Raya 1981 Berdasarkan Kerusi dan Undi yang dimenangi	133

4.5	Parti Politik yang Memenangi Pilihan Raya 1981 dan Perbandingan Peratus Undi Sah yang diterima di Kawasan Dominan Bajau dan Bumiputera Islam	136
4.6	Keputusan Pilihan Raya 1981 Mengikut Kawasan Majoriti Bumiputera Islam	137
4.7	Senarai Calon Berjaya Beragama Islam, Peratus Undi Diperolehi Dan Etnik dalam Pilihan Raya 1981	138
5.1	Keputusan Pilihan Raya Mengikut Jumlah Kerusi yang Dimenangi	156
5.2	Parti Politik yang Memenangi Pilihan Raya 1985 dan Perbezaan Peratus Undi Sah yang Diterima di Kawasan Majoriti Bajau	158
5.3	Senarai Calon PBS Beragama Islam dalam Pilihan Raya 1985 dan Keputusan yang Diperolehi	160
5.4	Keputusan Pilihan Raya 1986 Mengikut Parti-Parti yang Bertanding	169
5.5	Keputusan Pilihan Raya 1986 Mengikut Kawasan Majoriti Bumiputera Islam	170
5.6	Senarai Calon PBS Beragama Islam dalam Pilihan Raya 1986 dan Keputusan yang Diperolehi	171
5.7	Keputusan Pilihan Raya 1990 Mengikut Parti	183
5.8	Keputusan Pilihan Raya 1990 Mengikut Bahagian dan Perbandingan Peratus Undi Sah yang diterima di Kawasan Majoriti Bajau dan Bumiputera Islam	184
5.9	Keputusan Pilihan Raya 1990 Mengikut Kawasan Majoriti Bumiputera Islam	184
5.10	Senarai Calon PBS Beragama Islam yang Menentang Calon-Calun USNO dalam Pilihan Raya 1990	185
6.1	Keputusan Pilihan Raya 1994 Mengikut Parti yang Bertanding	199
6.2	Jumlah Kerusi Dimiliki Parti Komponen BN dan PBS Selepas Peristiwa Lompat Parti ke dalam BN (1994)	200



6.3	Keputusan Pilihan Raya 1994 Mengikut Bahagian dan Undi yang Diterima di Kawasan Majoriti Bajau dan Bumiputera Islam	202
6.4	Keputusan Pilihan Raya 1994 di Kawasan Majoriti Bumiputera Islam	204
6.5	Jumlah Calon Beragama Islam yang Bertanding Mengikut Parti dalam Pilihan Raya tahun 1994	206
6.6	Bilangan Calon Beragam Islam Mengikut Bahagian dan Suku Etnik yang Bertanding di atas Tiket PBS dalam Pilihan Raya 1994	207
6.7	Keputusan Pilihan Raya 1999 Mengikut Parti Yang bertanding	218
6.8	Keputusan Pilihan Raya 1999 Mengikut Kawasan DUN dan Perbandingan Undi di Kawasan Majoriti Kaum Bajau	221
6.9	Keputusan Pilihan Raya 1999 Mengikut Kawasan Majoriti Bumiputera Islam	223
6.10	Keputusan Pilihan Raya 1999 Mengikut Calon Islam yang Bertanding	224
6.11	Jumlah Kerusi Yang Dimenangi Parti-parti Bertanding dalam Pilihan Raya 2004	237
6.12	Keputusan Pilihan Raya 2004 Mengikut Bahagian dan Undi di Kawasan Majoriti Bajau	240
6.13	Keputusan Pilihan Raya 2004 di Kawasan Majoriti Bumiputera Islam	241
6.14	Bilangan Calon Beragama Islam yang Bertanding Mengikut Parti dalam Pilihan Raya 2004	242

## SINGKATAN

ADIL	:	Angkatan Democratic Liberal Party
AKAR	:	Angkatan Keadilan Rakyat
Bebas	:	Calon-calon bebas
Berjaya	:	Bersatu Rakyat Jelata Sabah
Bersekutu	:	Parti Barisan Rakyat Sabah
BN	:	Barisan Nasional
DAP	:	Democratic Action Party
DUN	:	Dewan Undangan Negeri
IDS	:	Institute Development for Sabah
KCA	:	Kadazan Cultural Association
LDP	:	Liberal Democratic Party
PAS	:	Parti Islam SeMalaysia
Pasok	:	Pertubuhan Kebangsaan Pasuk Nunukragang Bersatu
PBRSS	:	Parti Bersatu Rakyat Sabah
PBS	:	Parti Bersatu Sabah
PCBS	:	Parti Cina Bersatu Sabah
PCS	:	Parti Cina Sabah
PDS	:	Parti Demokratik Sabah
PRS	:	Parti Rakyat Sabah
PSBB	:	Persatuan Seni Budaya Bajau
SAPP	:	Sabah Progressive Party
SCA	:	Sabah Chinese Association

<b>Setia</b>	<b>:</b>	<b>Parti Setiahati Kuasa Bersatu Rakyat Sabah</b>
<b>SPR</b>	<b>:</b>	<b>Suruhanjaya Pilihan Raya</b>
<b>UMNO</b>	<b>:</b>	<b>United Malays National Organization</b>
<b>UNKO</b>	<b>:</b>	<b>United National Kadazan Organization</b>
<b>UPMO</b>	<b>:</b>	<b>United Pasok Momogun Organization</b>
<b>USDA</b>	<b>:</b>	<b>United Sabah Dusun Association</b>
<b>USNO</b>	<b>:</b>	<b>United Sabah National Organization</b>

# BAB I

## PENDAHULUAN

### 1.1 Pengenalan

Kebanyakan sarjana yang mengkaji tentang politik Sabah berpendapat bahawa tahun-tahun 1960-an adalah zaman ketandusan kegiatan politik di Sabah. Ongkili (1967) dan Roff (1974) menyatakan masyarakat Sabah sebelum pembentukan gagasan Malaysia seolah-olah berada dalam *vacuum* kerana tiga sebab utama, iaitu dasar pentadbiran kolonial British yang tidak menggalakkan penyertaan masyarakat tempatan dalam aktiviti politik, ketiadaan pemimpin-pemimpin tempatan yang berkebolehan, dan taraf pelajaran yang rendah di kalangan penduduk-penduduk Sabah. Keadaan ini menyebabkan tidak ada sebuah parti politik pun di Sabah semasa Tunku Abdul Rahman membuat pengumuman tentang pembentukan Malaysia pada 27 Mac 1961.

Namun begitu, dari segi kesedaran berpolitik ia sebenarnya telah lama wujud. Sebelum dari pembentukan gagasan Malaysia lagi, sudah ramai pemimpin bumiputera Sabah yang telah bergiat dalam organisasi yang bercorak persuratan dan kebudayaan. Melalui pertubuhan inilah mereka menyemarakkan api dan semangat berpolitik di kalangan bumiputera supaya mengambil tahu tentang hal-hal yang bersangkutan dengan pemerintahan dan pentadbiran. Selepas pembentukan gagasan Malaysia diumumkan, barulah munculnya reaksi politik secara serius dan ini diikuti dengan penubuhan parti-parti politik yang bergiat secara rasmi di Sabah. Di antara parti-parti politik yang terawal ialah United National Kadazan Organization (UNKO) yang ditubuhkan pada 16 September 1961 oleh Donald Stephens, United Sabah National Organization (USNO)



yang ditubuhkan oleh Datu Mustapha bin Datu Harun pada 23 Disember 1961, dan United Pasok Momogun Organization (UPMO) yang ditubuhkan oleh G.S Sundang pada Januari 1962.

Parti-parti politik di atas telah ditubuhkan untuk memperjuangkan kepentingan dan aspirasi etnik yang mewakili kaum masing-masing: UNKO ditubuhkan untuk memperjuangkan kepentingan orang-orang Kadazan-Dusun, USNO untuk Bumiputera Islam (termasuk orang Bajau), UPMO untuk orang-orang Murut, dan Sabah Chinese Association (SCA) untuk orang-orang Cina. Penubuhan parti-parti politik berasaskan kepentingan etnik merupakan ciri utama parti-parti politik di Sabah sejak dari awal penubuhannya sehinggalah ke hari ini.<sup>1</sup> Oleh kerana wujudnya pelbagai parti politik, maka pertentangan dan perbalahan kepentingan di antara parti-parti politik itu tidak dapat dielakkan.

Persaingan di antara parti-parti politik ataupun lebih jelas lagi persaingan di kalangan etnik untuk berkuasa dapat dilihat melalui kekerapan pertukaran kerajaan di Sabah. Sejak tahun 1963, sebanyak lima buah parti yang berbeza telah menerajui kepemimpinan politik di negeri tersebut. Misalnya dari tahun 1963 hingga 1965 kerajaan Sabah diperintah oleh UNKO, dari tahun 1965 hingga 1967 diperintah oleh SCA, dari tahun 1967 hingga 1976 oleh kerajaan USNO-SCA, dari tahun 1976 hingga 1985 oleh Berjaya, dari tahun 1985 hingga 1994 oleh Parti Bersatu Sabah (PBS), dan

---

<sup>1</sup>Ciri-ciri parti politik yang terdapat di Sabah adalah sama seperti parti-parti politik yang ditubuhkan di Semenanjung, iaitu United Malays National Organization (UMNO) untuk orang-orang Melayu, Malayan Chinese Association (MCA) untuk orang-orang Cina, dan Malayan Indian Congress (MIC) untuk orang-orang India. Lihat Glick (1965: 144-152), Milne (1965: 104-117) dan Roff (1967: 432-456).

dari tahun 1994 hingga kini oleh Barisan Nasional (BN).<sup>2</sup> Kerajaan BN memerintah Sabah sejak Mac 1994 dengan menggilirkan jawatan ketua menteri dari kalangan tiga kaum yang utama, iaitu pertamanya diketuai oleh bumiputera Islam (Mac 1994-Mei 1996), kaum Cina (Mei 1996-Mei 1998), bumiputera bukan Islam (Mei 1998-22 Februari 1999), bumiputera Islam (Mac 1999-Mac 2001) dan kaum Cina (Mac 2001 hingga kini).

Satu ciri menarik dalam politik Sabah yang perlu diperhatikan ialah keberanian rakyatnya untuk menukar kerajaan dalam setiap pilihan raya apabila mereka mendapati kerajaan tidak lagi sensitif kepada tuntutan rakyat. Tingkah laku pengundi rakyatnya adalah hampir sama seperti penemuan kajian yang dibuat oleh Dahl dalam kajiannya ke atas sikap pengundi di New Haven (1964), Jayum (1987) ke atas sikap pengundi kaum Dayak di Sarawak, dan Mohammad Agus dalam kajiannya ke atas tingkah laku pengundi Kelantan (1994). Kesemua kajian di atas mendapati kesediaan pengundi di kawasan yang dikaji untuk bertindak menukar kerajaan apabila mereka mendapati kerajaan tidak lagi responsif kepada tuntutan rakyat. Ciri kedua kelainan politik Sabah ialah sistem penggiliran ketua menteri yang menjadi amalan pemerintahannya sejak tahun 1994. Walaupun sistem ini telah diberhentikan pada tahun 2004, namun amalan sistem penggiliran ini telah menjadikan Sabah satu-satunya negeri di Malaysia (dan juga di dunia) yang ketua menterinya digilir-gilirkan dalam tempoh dua tahun sekali, menjadikannya sebagai negeri yang paling kerap sekali menukar ketua menteri sejak merdeka. Ciri ketiga keunikan politik Sabah ialah kerencaman rakyatnya dengan

---

<sup>2</sup>Kerajaan BN di Sabah adalah gabungan antara parti UMNO dan beberapa parti tempatan Sabah seperti Parti Bersatu Rakyat Sabah (PBRS), Parti Maju Sabah (SAPP), Liberal Democratic Party (LDP) dan Parti Demokratik Sabah (kemudiannya ditukar kepada UPKO). Mulai bulan Mac 2002, PBS pula, yang sejak tahun 1990 merupakan parti pembangkang di Sabah kembali menyertai BN.

kepelbagaian parti politik yang wujud. Masyarakat Sabah dapat dikelompokkan kepada tiga kaum yang utama, iaitu bumiputera Islam, bumiputera bukan Islam dan bukan bumiputera. Majoriti bumiputera Islam adalah terdiri dari suku kaum Bajau, Sulu, orang Brunei dan Filipina. Majoriti bumiputera bukan Islam pula adalah terdiri dari suku kaum Kadazan-Dusun dan Murut. Manakala bukan Bumiputera pula adalah terdiri dari kaum Cina, India dan lain-lain kaum asing yang datang menetap di Sabah.

Dalam setiap kali pilihan raya, kaum-kaum ini akan menunjukkan sokongan hanya kepada parti yang dapat menjaga kepentingan kaum masing-masing sahaja. Ini tidak terkecuali bagi masyarakat Bajau, iaitu kaum yang merupakan majoriti penduduk bumiputera Islam di Sabah. Pada awal kemerdekaan Sabah sehingga kini, masyarakat Bajau, khususnya dari generasi tua menyokong parti yang berteraskan Islam. Pada tahun 1967 hingga 1976, mereka menyokong parti USNO yang dipimpin oleh Tun Mustapha. Selepas USNO tewas di tangan Berjaya dalam pilihan raya negeri pada tahun 1976, masyarakat Bajau tetap menyokong USNO kerana menganggap USNO adalah parti Islam. Begitu juga pada tahun 1985, masyarakat Bajau tetap menyokong USNO sehingga membolehkan USNO memenangi hampir kesemua kerusi di kawasan majoriti Islam dalam pilihan raya tersebut. Setelah UMNO masuk ke Sabah dan USNO dibubarkan, masyarakat Bajau mengalih sokongan mereka kepada UMNO. Tindakan *en bloc* masyarakat Bajau adalah kerana UMNO seperti juga USNO, adalah parti yang berteraskan Islam. Dilihat dari aspek ini, dapatlah diandaikan bahawa masyarakat Bajau mengundi berdasarkan kepada identifikasi parti.<sup>3</sup>

---

<sup>3</sup>Pola pengundian masyarakat Bajau ini adalah berbeza dari pola pengundian kaum Cina. Pada tahun 1963 hingga 1965, masyarakat Cina bersama dengan UNKO dan SCA, pada tahun 1967 hingga tahun 1975, mereka bersama dengan parti USNO yang dipimpin oleh Tun Mustapha dalam Perikatan Sabah; pada tahun 1976 hingga tahun 1985 mereka menyokong parti Berjaya yang dipimpin pada mulanya oleh Tun Mohd Fuad Stephens dan kemudiannya Harris Salleh; pada tahun 1985, mereka menyokong Parti

Dalam konteks ini, satu persoalan yang menarik untuk dikaji ialah adakah sehingga kini tingkah laku pengundi Bajau masih lagi berasaskan kepada identifikasi parti? Apakah faktor yang menentukan corak pengundian mereka? Dan apakah implikasi corak pengundi Bajau ini ke atas kestabilan politik dan pembangunan ekonomi Sabah? Kajian ini akan mengkaji hal ini.

## 1.2 Tujuan Kajian

Pilihan raya adalah satu-satunya kegiatan politik yang melibatkan orang ramai dan ia juga merupakan satu indikator yang melambangkan sesebuah negara itu mengamalkan sistem demokrasi. Pilihan raya juga merupakan hari yang membolehkan orang ramai menggunakan hak mereka untuk memilih parti pemerintah bagi tempoh yang telah ditetapkan. Satu persoalan menarik yang perlu dikaji dalam setiap kali pilihan raya ialah bagaimanakah sesebuah parti itu memilih calon mereka dan bagaimanakah pula pengundi memilih calon dalam pilihan raya tersebut?

Mengikut Triling (1996), kemenangan seseorang calon dan sesebuah parti dalam pilihan raya bukanlah ditentukan oleh jumlah orang yang menyokong atau bersimpati

---

Bersatu Sabah (PBS) yang dipimpin oleh Huguan Siou Kadazan iaitu Joseph Pairin Kitingan, dan selepas kemasukan UMNO ke Sabah pada tahun 1991, majoriti daripada mereka menyokong parti Cina yang berada dalam gagasan BN hingga kini. Kenyataan di atas menunjukkan bahawa sokongan kaum Cina adalah penting dalam menentukan kemenangan sesuatu parti dalam pilihan raya. Apabila mereka menyokong parti USNO pada tahun 1967 dan 1976, maka USNO memerintah; apabila mereka menyokong Berjaya pada tahun 1976, maka Berjaya memerintah; apabila mereka mengundi PBS pada tahun 1985, maka PBS menang; dan apabila UMNO ditubuhkan pada tahun 1991, maka mereka menyokong parti Cina yang bersama dengan UMNO dalam pakatan BN sehinggalah BN menang pilihan raya sejak 1994 hingga kini. Ini menunjukkan bahawa sekiranya kaum Bajau dikatakan dominan dalam politik Sabah, maka kaum Cina adalah *king maker and king breaker* dalam politik Sabah.



dengan calon parti yang diwakilinya tetapi ditentukan oleh jumlah rakyat yang mengundi dan faktor-faktor yang menentukan pilihan mereka. Kebiasaannya latar etnik, budaya, tempat tinggal, isu politik, imej pemimpin, kekuatan jentera parti dan manifesto parti merupakan angkubah-angkubah yang mempunyai pemberat sendiri dalam menentukan pilihan pengundi.

Kajian ini adalah bertujuan untuk mengkaji tentang faktor-faktor yang menentukan sikap pengundi Bajau dalam pilihan raya. Selain itu, kajian ini juga bertujuan untuk melihat pola pengundian masyarakat Bajau dan apakah implikasi pola pengundian tersebut ke atas kestabilan politik dan pembangunan ekonomi negeri Sabah? Kajian ini adalah penting kerana keupayaan untuk menjangka perlakuan pengundian membolehkan parti yang bertanding merancang strategi untuk memenangi pilihan raya. Ini kerana perlakuan pengundi merupakan sesuatu yang agak kompleks sifatnya kerana dipengaruhi oleh faktor-faktor sosial, ekonomi dan politik. Memahami faktor-faktor ini dalam proses pengundian memberikan maklumat yang baik kepada pemimpin tentang kemahuan sebenar rakyat. Masyarakat Bajau di Sabah akan dijadikan kes dalam kajian ini kerana dua sebab: (i) masyarakat Bajau merupakan masyarakat yang dominan di Sabah; dan (ii) ramai pemimpin besar Sabah adalah dari masyarakat ini.

Bagi menjawab kesemua persoalan kajian di atas, pengkaji akan menggunakan tiga pendekatan dalam mengkaji tingkah laku pengundi, iaitu pendekatan identifikasi parti, pendekatan sosiologikal dan pendekatan pemilihan rasional. Dapatan kajian akan membolehkan pengkaji melihat apakah faktor-faktor yang mempengaruhi pemilihan pengundi dan bagaimana mereka memberi sokongan undi kepada calon dan parti pada setiap kali pilihan raya berlangsung.